

Jenis Akhbar : Kosmo  
Tarikh : 20/01/2022  
Edisi / Muka Surat : Nasional (07)  
Tajuk : ANGKASA, CUEPACS Saran Setiap Jabatan Awam Aktifkan Koperasi

## Angkasa, Cuepacs saran setiap jabatan awam aktifkan koperasi

Oleh NIA AMIRA NAJWA AZMI

**PETALING JAYA** – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menyarankan koperasi di setiap Jabatan Awam dikaktifkan sebagai platform kepada rakyat untuk mendapatkan harga barang asas dengan harga lebih kompetitif.

Presiden Cuepacs, Datuk Adnan Mat berkata, terdapat 1.62 juta penjawat awam ketika ini dan 800,000 daripadanya adalah terdiri daripada kalangan B40.

"Bagi membantu penjawat awam dan juga masyarakat untuk mendapat akses kepada barang asas dengan harga yang lebih murah dari pasaran, ketua-ketua di jabatan awam perlu mengaktifkan koperasi di jabatan masing-masing.

"Ini kerana, melalui kerjasama dengan Angkasa, koperasi boleh mendapatkan harga barang



ABDUL FATTAH (kiri) dan Adnan pada sidang akhbar di Wisma Ungku A. Aziz, Petaling Jaya semalam.

yang lebih murah daripada pembekal dan dapat menawarkan harga lebih berpatutan kepada pelanggan. Isu kenaikan harga barang asas merupakan perkara yang sangat diberi perhatian oleh Cuepacs dan lang-

kah ini akan membantu mereka yang terkesan bagi meneruskan kehidupan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Presiden Angkasa, Datuk Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, setiap tahun itu dibincangkan

oleh pelbagai pihak, namun apa harga barang keperluan tetap meningkat.

"Hari ini (semalam) Angkasa dan Cuepacs berbincang mengenai langkah terbaik yang dapat dilakukan bagi membantu rakyat

untuk lebih mempunyai kuasa beli biar berdepan dengan isu kenaikan harga ini," katanya.

Dalam pada itu, berhubung saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob supaya pemborong khas diwujudkan untuk koperasi peruncit mendapat bekalan barang secara pukal, Abdul Fattah berkata, langkah untuk menjadi pemborong kepada koperasi ini telah dimulakan Angkasa pada 2019 melalui Projek Barang Asas 100 atau lebih dikenali BA100.

"BA100 Angkasa mahu lebih memperkasakan koperasi pemborong dan peruncit khususnya agar dapat lebih berdaya saing dan menawarkan harga lebih kompetitif kepada pengguna dan pelanggannya.

"Angkasa menyeru koperasi peruncit atau koperasi yang terjejas untuk menyertai BA100 sebagai salah satu nilai tambah dan strategi perniagaan untuk meningkatkan perolehan serta memulihkan perniagaan," ujarnya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA